

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (RPP) ini menyediakan maklumat penting Pembiayaan Sewa Beli-i Muamalat (AITAB) anda. Pelanggan lain telah membaca RPP ini dan mendapati ia bermanfaat, **anda juga harus membacanya.**

1 APAKAH ITU PEMBIAYAAN SEWA BELI-i MUAMALAT (AITAB)

Pembiayaan Sewa Beli-i Muamalat (Al-Ijarah Thumma Al-Bai') (AITAB) adalah produk pembiayaan kenderaan berdasarkan kontrak Syariah Ijarah (Sewaan) kemudian diikuti oleh kontrak Syariah Bai'(Jualan). Produk ini menawarkan pembelian kenderaan kepada pelanggan sehingga 90% margin pembiayaan.

Kontrak Syariah yang terpakai ialah Al-Ijarah Thumma Al-Bai' (AITAB) yang merupakan kontrak Ijarah (kontrak Sewaan) dengan kontrak Bai' (kontrak Jualan). Ijarah merujuk kepada kontrak sewaan yang memindahkan pemilikan aset kepada pihak lain untuk tempoh tertentu sebagai pertukaran dengan kadar pertimbangan tertentu. AITAB adalah kontrak pembiayaan Ijarah yang mana tujuan utama penyewa adalah untuk memiliki aset yang disewa dan pemindahan pemilikan aset yang disewa daripada pemberi sewa kepada penyewa yang dilaksanakan melalui cara penjualan (Bai') pada akhir tempoh sewaan atau tempoh pembiayaan atau penyelesaian awal pembiayaan.

Nota: Kemudahan ini adalah dikira berdasarkan kadar sama rata dan kenderaan pelanggan akan dicagarkan ke atas pembiayaan

2 KETAHUI TANGGUNGJAWAB ANDA

Perkara Produk Pembiayaan

Margin Pembiayaan	:	Sehingga 90%
Tempoh Pembiayaan	:	Sehingga 108 bulan
Kadar Keuntungan*	:	Kadar Sama Rata: Minimum ____% setahun bergantung pada pembuatan dan model kenderaan.

Anda bertanggungjawab untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam kontrak sebelum anda menandatangani.



Bayar ansuran bulanan anda tepat pada masanya dan secara penuh selama **9 tahun atau tempoh yang dipilih tersebut**. Hubungi kami jika anda berhasrat untuk menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal.



Segera hubungi kami jika anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda.

Ilustrasi Pembiayaan

Jumlah Pembiayaan	:	RM 50,000
Tempoh Pembiayaan	:	9 tahun (108 bulan)
Kadar keuntungan	:	2.95%
Jumlah Amaun Perlu Dibayar	:	Jumlah Pembiayaan + (Jumlah Pembiayaan X Kadar Keuntungan X Tempoh (Tahun))
	:	RM 50,000 + (RM 50,000 X 2.95% X 9 tahun) = RM 63,275.00
Bayaran Bulanan (sewaan)	:	Jumlah Amaun Sewaan / Tempoh (Bulan)
	:	= RM 63,275/108
	:	= RM 585.88 ≈ RM 586.00
Harga Jualan (jumlah yang dibayar semasa bulan terakhir tempoh pembiayaan)	:	RM 573.00

Fi & Caj		Amaun
Setem Hasil Mengikut Akta Setem 1949 (Disemak 1989)	Perjanjian Sewa Beli	Setem Hasil Mengikut Akta Setem 1949 (Disemak 1989)
	Jaminan & Ganti rugi (jika ada)	RM 10 (bersama penjamin)
Pembaharuan cukai jalan oleh BMMB	Caj Servis	RM 10.80* bagi setiap pembaharuan
Caj lewat bayar	1% setahun ke atas ansuran tertunggak hingga tarikh pembayaran untuk keingkaran pembayaran dalam tempoh pembiayaan dan sebelum tempoh matang ATAU sejumlah wang bersamaan dengan kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) BNM ke atas baki jumlah prinsipal tertunggak untuk keingkaran pembayaran pembiayaan selepas tempoh matang.	

• Sila rujuk laman sesawang kami di www.muamalat.com.my untuk maklumat lanjut berkenaan yuran dan caj.

• *Fi dan caj adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan (8%) yang dikenakan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (sebagaimana yang dipinda), jika berkenaan.

Jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan lebih awal, sila ambil maklum bahawa:-

- Pihak Bank akan memberi rebat bagi penyelesaian awal pembiayaan kepada pelanggan.
- Pihak Bank akan memberi rebat berdasarkan kepada perbezaan jumlah ansuran bulanan yang mesti dibayar dan

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

- jumlah sewaan sebenar pada akhir tempoh pembiayaan.
- c) Sebarang rebat yang diberikan oleh pihak Bank hendaklah disifatkan sebagai terakhir dan muktamad. Pelanggan hendaklah bersetuju dengan ketepatan rebat yang diberikan tanpa sebarang bantahan atau pertikaian.
 - d) Bank boleh memberikan diskaun ihsan sekiranya berlaku penyelesaian awal kemudahan kepada pelanggan Sewa Beli yang layak
 - e) Formula Ibra': Baki Tertunggak (Harga Jualan Tertunggak) - Jumlah Prinsipal Tertunggak - Jumlah Terhutang kepada Bank - Pengurangan Ibra'

3 KETAHUI RISIKO ANDA

Apakah risiko utamanya?

Jika anda menghadapi masalah untuk memenuhi tanggungjawab pembiayaan anda dan berterusan gagal, BMMB akan memberi amaran kepada pelanggan dengan kemungkinan tindakan pemulihan seperti tindakan prosiding undang undang dan segala kos yang berkaitan akan ditanggung oleh pelanggan.

Apa yang akan berlaku sekiranya anda gagal memenuhi tanggungjawab anda?

- a) Anda perlu membayar lebih secara keseluruhan disebabkan oleh caj lewat bayar (caj ganti rugi/Ta'widh) iaitu 1% setahun daripada ansuran tertunggak hingga tarikh pembayaran untuk keingkaran pembayaran dalam tempoh pembiayaan dan sebelum tempoh matang ATAU sejumlah wang bersamaan dengan kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) BNM ke atas baki jumlah prinsipal tertunggak untuk keingkaran pembayaran pembiayaan selepas tempoh matang.
- b) Kami boleh menolak wang daripada mana-mana akaun anda yang ada dengan kami bagi menolak selesai baki pembiayaan anda yang tertunggak.
- c) Kami akan mengenakan tindakan undang-undang terhadap anda.
- d) Skor kredit anda mungkin terjejas menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.

4 TERMA UTAMA LAIN

- a) Sila maklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan pada butiran perhubungan anda.
- b) Penjamin atau cagaran tertakluk kepada keupayaan kredit pelanggan dan keputusan pihak Bank. Kenderaan yang dibiayai akan dicagarkan sebagai sekuriti kepada pembiayaan.
- c) Anda perlu mengambil takaful motor untuk kenderaan yang dibiayai bagi sepanjang tempoh pembiayaan, dan anda juga boleh memilih perlindungan tambahan untuk semua insiden force majeure dengan mana-mana syarikat takaful berlesen yang beroperasi di Malaysia. Insiden force majeure termasuk tetapi tidak terhad kepada gempa bumi, angin ribut, banjir, kilat, taufan, malapetaka semula jadi, peperangan (diisytiharkan atau tidak), pencerobohan, serangan musuh asing, permusuhan antara negara, keganasan, mogok, pemberontakan awam, rampasan kuasa tentera, pencemaran nuklear, embargo, penyitaan oleh kerajaan, atau apa-apa insiden lain yang bersifat force majeure. Pelan perlindungan Takaful diperlukan untuk melindungi baki pembiayaan anda sepanjang tempoh pembiayaan dan/atau terma perlindungan sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini.
- d) Hak untuk tolak-selesai: Kami berhak untuk menolak-selesai baki tertunggak dalam akaun pembiayaan dengan menggunakan sebarang baki kredit dalam mana-mana akaun anda dengan kami, di mana pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan Pembiayaan Sewa Beli-i Muamalat (AITAB), anda boleh:



Hubungi kami di:
03-26005500



Layari kami di:
Pembiayaan Sewa Beli-i Muamalat (AITAB)



E-mel kami melalui:
feedback@muamalat.com.my

Perakuan Pelanggan

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- ☐ Saya mengakui Bank Muamalat telah memberikan kepada saya salinan RPP
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam RPP ini.

**Perakuan Pelanggan ke atas RPP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk*

Nama:

Tarikh: